



KERJA-KERJA Pengerukan di Alur Pelayaran Utara dan Perairan Bertentangan Dermaga Northport, Termasuk Kerja-Kerja Penambakan di Pulau Indah Industrial Park, Pelabuhan Klang

Daripada : Pegawai Pelabuhan, Jabatan Laut Wilayah Tengah.
Kepada : Syarikat-Syarikat Perkapalan, Malim Pelabuhan, Nakhoda Kapal, Pelaut Tempatan, Nelayan-Nelayan dan Semua Pihak Yang Berkaitan.
Tarikh : 8 Mei 2007.

Sepertimana maklum, kerja-kerja pengerukan di Alur Pelayaran Utara dan di perairan bertentangan dengan Dermaga Northport, Pelabuhan Klang telahpun berjalan sejak tahun 2006 lagi. Seiring dengan kerja-kerja pengerukan tersebut, pihak Syarikat Inai Kiara Sdn Bhd akan turut menjalankan kerja-kerja penambakan di Pulau Indah Industrial Park, Pelabuhan Klang dengan menggunakan kapal korek miliknya "INAI TULIP". Dimaklumkan juga bahawa kerja-kerja penambakan di Pulau Indah itu dijangka akan bermula pada 14 Mei 2007, selama tempoh kira-kira 7 bulan.

2. Selaras dengan itu juga, maka semua vesel (kapal-kapal, bot-bot serta bot nelayan) adalah diingatkan supaya berhati-hati semasa melalui kawasan kerja dan di mana praktikal serta selamat, hendaklah memberikan kelegaan munasabah kepada kapal korek terlibat.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

(MOHD SANI BIN ROSLI)

b.p. Pegawai Pelabuhan,
Jabatan Laut Wilayah Tengah,
Pelabuhan Klang.

- s.k: (i) Ketua Pengarah Laut,
Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia,
Pelabuhan Klang.
(u.p: Pengarah Bahagian Keselamatan Pelayaran)
- (ii) Pengarah Laut Wilayah Tengah.
- (iii) Pengurus Besar,
Lembaga Pelabuhan Kelang.
(u.p: Gerakan Merin)